



# KENYATAAN MEDIA YAYASAN MyAQSA (UNTUK SIARAN SEGERA)

1. Yayasan MyAQSA (MyAQSA) mengutuk keras campur tangan pihak asing ke atas Baitul Maqdis. Kami difahamkan bahawa Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump akan mengistiharkan Baitulmaqdis sebagai ibu negara yang baru bagi Israel. Pengistiharaan haram ini sebenarnya bukan sahaja melanggar undang-undang antarabangsa dan hak asasi manusia bahkan tidak sama sekali menjurus ke arah usaha keamanan. Ia akan mencetuskan kemarahan rakyat Palestin dan umat Islam seluruh dunia. MyAQSA berpendapat bahawa, sepatutnya penyelesaian yang terbaik adalah dengan mengistiharkan kemerdekaan ibu kota al Quds yang kini dijajah oleh pihak Israel. Pengistiharan haram ini akan mengembangkan lagi penempatan-penempatan haram (*illegal settlements*) Yahudi di tanah milik rakyat Palestin.

2. Pengistiharan ini juga sebenarnya akan mengulangi kesilapan perjanjian Balfour yang berlaku 100 Tahun dahulu dimana pihak yang tidak mempunyai *locus standi* sama sekali mencampuri hal dalaman sesebuah negara yang mengakibatkan rakyat Palestin menderita sehingga ke hari ini. MyAQSA ingin menyeru kepada semua pihak tanpa mengira latar belakang untuk sama-sama bersatu bagi menyokong segala usaha ke arah pembebasan Baitulmaqdis. Jangan terkejut sekiranya pengistiharaan haram Donald Trump ini akan membawa tindakbalas rakyat Palestin iaitu Intifadah Al Aqsa yang semakin memuncak yang membawa kepada semakin banyak penumpahan darah, semakin banyak kematian dan huru-hara yang akan merebak ke seluruh dunia.

MyAQSA menyeru untuk kita semua bangkit dan bersatu membebaskan Baitul Maqdis daripada penjajahan Rejim Zionis Israel.

**DR. HJ. NOORAZMAN BIN MOHD SAMSUDDIN**  
Ketua Pegawai Eksekutif